



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI
ASAS KEUSAHAWANAN ETR300**

SERI MANIS SDN BHD

DISEDIAKAN OLEH: 5B

HAFIZA HAJI ABD. WAHAB	DIA	97102502
NURMAHANI YAAKOP	DIA	97031112
AZAH NASRIN MOHD DIAUDDIN	DIA	97417069
SALMAH NASRIN MD TAHA	DIA	97334811

25 MAC 2000

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Surat Serahan

Penghargaan

1.0 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Faktor-faktor Pembukaan Perniagaan	2
1.3 Logo	3
1.3.1 Keterangan Logo	4-5
1.4 Tujuan	6
1.5 Latar Belakang Perniagaan	7
1.6 Latar Belakang Projek	8
1.6.1 Lokasi Tapak Projek	8
1.6.2 Kedudukan Fizikal	8
1.6.3 Bangunan	8
1.6.4 Kemudahan-kemudahan Asas	9
1.7 Latar Belakang Pekongsi	10 - 13
1.8 Nama ahli kongsi	14
1.9 Surat Perjanjian Perkongsian	15 - 20
1.10 Surat Perjanjian Sewa Lot	21 - 24

2.0 RANCANGAN PENTADBIRAN

2.1 Pengenalan Organisasi	25
2.2 Matlamat Organisasi	26
2.3 Strategi Organisasi	27
2.4 Misi Organisasi	27
2.5 Carta Organisasi	28 - 29
2.6 Jadual Jawatan Dan Bilangan Pekerja	30
2.7 Spesifikasi Tugas	31 - 33
2.8 Jadual Imbuhan Balas Jasa	34
2.9 Imbuhan Jasa Dan Insentif Pekerja	35 - 36

1.0 PENGENALAN.

1.1 PENDAHULUAN

Seri Manis Sdn Bhd diilhamkan oleh 4 orang rakan kongsi yang mempunyai pengalaman, kelulusan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Perniagaan kami ini merupakan perniagaan rakan kongsi.

Kami telah bersatu hati untuk memilih lokasi kilang yang terletak di alamat

Lot 5242 Kawasan Perindustrian BESCORP
Batu 2 Jalan Kuala Ketil
08000 Sungai Petani
Kedah.

Perniagaan ini akan mula beroperasi pada 1 Januari 2003.

Kebelakangan ini, perniagaan kordial berperisa semakin bertambah di dalam pasaran tempatan. Perusahaan ini boleh dijalankan dengan lebih besar lagi mengikut kemampuan modal, pasaran, tenaga pekerja dan lain-lain aspek yang berkenaan.

Disamping itu jualan kordial berperisa ini adalah untuk menyahut seruan kerajaan bagi menambahkan lagi usahawan bumiputra. Selain daripada itu jualan kordial ini juga dapat memenuhi permintaan orang ramai yang berpendapatan rendah dan sederhana. Ia juga sesuai untuk semua golongan dan peringkat umur.

Kami amat berharap agar usaha kami dalam mengusahakan kordial berperisa seperti oren, ros dan sarsi ini mendapat hasil yang lumayan dan mampu memberi peluang kepada mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan ini.

1.2 FAKTOR-FAKTOR PEMBUKAAN PERNIAGAAN.

Faktor-faktor yang mendorong pembukaan perniagaan ini adalah seperti berikut:

↳ Populasi penduduk.

Tempat perniagaan barangan kami ini adalah seperti di supermarket, kedai runcit dan premis-premis yang lain. Kawasan ini di pilih kerana berhampiran dengan beberapa pejabat, bank, pejabat pos dan tidak jauh dari situ terdapat beberapa kawasan perumahan penduduk yang berpendapatan sederhana.

↳ Taraf hidup sederhana.

Secara keseluruhannya penduduk di sekitar kawasan perniagaan barangan kami bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan swasta dan peniaga kecil-kecilan

↳ Memenuhi permintaan pengguna.

Kami telah mendapati bahawa para penduduk ingin mencuba suatu kelainan dalam minuman supaya lebih sedap, tahan lama dan berkualiti. Tambahan lagi dengan harga yang rendah mereka mudah untuk memperolehnya.

1.4 TUJUAN

Tujuan utama Rancangan Perniagaan ini disediakan adalah memenuhi keperluan kerja khusus matapelajaran Asas Keusahawanan ETR 300. Ia adalah satu kerja berkumpulan bagi proses penilaian dan penganalisa kepada semua para pelajar yang mengambil kursus diploma di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Selain dari tujuan utama di atas, terdapat juga tujuan-tujuan lain yang disenaraikan seperti di bawah:

- ◀ Memberi peluang pekerjaan kepada golongan bumiputera khususnya bagi membuktikan bahawa mereka juga mampu melibatkan diri di dalam bidang perniagaan yang lebih mencabar.
- ◀ Sebagai garis panduan dan rujukan kepada bakal-bakal usahawan untuk menubuhkan sebuah perniagaan suatu hari nanti.
- ◀ Sebagai garis panduan untuk mengkaji permasalahan yang mungkin timbul semasa menjalankan perniagaan dan cara untuk mengatasinya.
- ◀ Memberi peluang kepada bakal-bakal usahawan untuk melihat sejauh mana projek yang dijalankan itu akan berjaya.
- ◀ Meyakini pihak tertentu yang berminat untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos pelaksanaan perniagaan tersebut.
- ◀ Untuk mengagihkan sumber perniagaan yang terhad dengan betul untuk mengelakkan pembaziran dan memberi pulangan yang optima kepada perniagaan.